

**Anda** sedang membaca akhbar  
**paling** berpengaruh

# APEC tidak mungkin disatu dengan EAEC

(M)

KUALA LUMPUR 16 Dis. — Kerajaan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tidak mungkin dicantumkan dengan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kerana beberapa anggota APEC seperti Amerika Syarikat dan Canada juga merupakan anggota Kawasan Perdagangan Amerika Utara (NAFTA).

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, oleh yang demikian, adalah tidak sesuai negara-negara itu turut menjadi anggota EAEC.

Bercakap kepada para pemberita selepas Majlis Penganugerahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 1991 di sini hari ini, Perdana Menteri memberitahu, beliau akan menerangkan perkara itu kepada ahli-ahli perniagaan Jepun semasa lawatan ke negara tersebut mulai 18 Disember ini.

"Kita akan terangkan apa EAEC dan mengapa Amerika Syarikat tidak boleh menjadi anggota, samalah juga mengapa negara itu tidak boleh menjadi anggota Kesatuan Eropah (EC)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan mengenai cadangan Jepun supaya APEC dicantumkan dengan EAEC.

U.A. 17 DEC 1991  
Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, Amerika Syarikat tidak boleh menjadi anggota EC kerana ia bukan termasuk dalam kawasan Eropah.

"Sebenarnya dia (Amerika Syarikat) lebih dekat Eropah berbanding dengan Asia dan mempunyai kebudayaan yang juga hampir sama dengan Eropah, bukannya Asia," tambahnya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau juga akan menerangkan mengenai perkara itu kepada Perdana Menteri Jepun sekiranya berpeluang berjumpa dengannya.

Meiuutnya, tujuan utama lawatannya ke Jepun mulai 18 hingga 29 Disember ini adalah untuk merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia di sana serta tempat tinggal pegawai-pegawai Malaysia di negara ini.

Di samping itu, katanya, beliau juga akan melawat Oita Prefecture di utara Pulau Kyushu yang mempunyai pertumbuhan ekonomi pesat hasil dasar yang dibuat oleh gabenornya yang mengadakan satu industri untuk satu kampung.

LIHAT MUKA 2

## APEC TIDAK MUNGKIN DISATU DENGAN EAEC

Beliau berharap cara yang dilakukan itu boleh dilaksanakan di Negeri Kedah yang telah pun menjalin hubungan dengan Oita Prefecture.

Mengenai pasaran tunggal Eropah yang akan bermula 1 Januari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia khawatir, dengan adanya pasaran tunggal itu, EC akan begitu kuat sehingga merasakan mereka tidak perlu mengadakan perdagangan dengan orang lain.

Beliau menjelaskan, Kawas-

an Perdagangan Bebas ASEAN yang dicadangkan akan dilaksanakan selepas Tahun, itu pun jika keadaan mengizinkan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia bersedia membantu memulihkan ekonomi Kemboja melalui latihan di bawah program kejasama teknikal.

"Kita percaya, jiran yang miskin tidak akan mendatangkan apa-apa manfaat kepada kita," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, ASEAN bersedia untuk membincangkan kemungkinan menerima Kentoja dan Vietnam menjadi anggota pertumbuhan itu.

Mengenai bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang ingin kembali semula ke negara ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, mereka yang ingin berbuat demikian perlu memenuhi beberapa syarat termasuk menggugurkan ideologi komunis.